

**TEKS UCAPAN LT. KOL. PROF. DATO' DR. KAMARUDIN HUSSIN
SEMPENA PENYAMPAIAN SIJIL PENGHARGAAN KEPADA MPP SESI
2003/2004 DAN PERLANTIKAN MPP SESI 2004/2005 KOLEJ UNIVERSITI
KEJURUTERAAN UTARA MALAYSIA (KUKUM) DI HOTEL HOLIDAY
VILLA, ALOR SETAR PADA 4 OKTOBER 2004.**

BISMILLAH HIRRAHMAN NIRRAHIM

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI TAALA WABARAKATUH DAN
SALAM SEJAHTERA.

YANG BERBAHAGIA PROF. DR. ALI YEON MD. SHAKAFF, TIMBALAN
REKTOR KUKUM,

PEGAWAI-PEGAWAI UTAMA KUKUM,

YANG BERUSAHA ENCIK SHAMSUL BAHAR, DEKAN HAL EHWAL PELAJAR
KUKUM,

DEKAN-DEKAN DAN KETUA-KETUA JABATAN,

WARGA KERJA DAN MAHASISWA-MAHASISWI KUKUM YANG DIKASIHI.

BERSYUKUR KE HADRAT ALLAH SUBBAHANU WA TAALA DI ATAS LIMPAH
KURNIA, KASIH DAN SAYANG SERTA DENGAN IZIN-NYA DAPAT KITA
BERKUMPUL PADA MALAM INI UNTUK BERSAMA-SAMA MENGHADIRKAN
DIRI MENYAKSIKAN SUATU LAGI PERISTIWA BERSEJARAH DALAM
KELANGSUNGAN DAN ASIMILASI KEGIATAN GOLONGAN MAHASISWA/I
SEBAGAI PENERAJU KEPIMPINAN DI KOLEJ UNIVERSITI KEJURUTERAAN
UTARA MALAYSIA (KUKUM) INI.

TERLEBIH DAHULU SAYA INGIN MENGUCAPKAN SYABAS DAN TAHNIAH
KEPADA AHLI JAWATANKUASA PROGRAM YANG TELAH BERTUNGKUS-
LUMUS BERGANDING-BAHU MELAKAR IDEA, MEMUSATKAN TENAGA DAN
SETERUSNYA MENZAHIRKAN KERJA BAGI PROGRAM KITA PADA MALAM
INI.

SAYA SEDAR TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEMUA DIPANGGU
KETERBATASAN RUANG WAKTU KERJA YANG TERKADANG MENUNTUT
PENGORBANAN MASA DAN KOMITMEN PERIBADI YANG TINGGI DALAM
MEMASTIKAN PROGRAM INI BERLANGSUNG DENGAN JAYANYA. SAYA
AMAT TERUJA DENGAN KOMITMEN YANG TELAH TUAN-TUAN DAN PUAN-
PUAN SEMUA TUNJUKKAN.

TIDAK KETINGGALAN, SAYA JUGA INGIN MENGUCAPKAN SYABAS DAN TAHNIAH KEPADA MAHASISWA/I YANG TELAH DILANTIK BAGI MENERAJUI KEPIMPINAN MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR YANG BARU BAGI SESI 2004/2005.

HADIRIN DAN HADIRAT SEKALIAN,

GENDANG SUDAH BERTABUH, RENTAK SUDAH DIATUR CUMA TERNANTI-NANTI BILA MASA BERAKSI. BEGITU LAH PERUMPAMAAN YANG DAPAT SAYA GAMBARKAN KEPADA ANDA SEMUA YANG TELAH TERPILIH MEMIMPIN PERGERAKAN PELAJAR YANG BUKAN KECIL-KECIL ANAK SUMBANGAN DAN PENGARUHNYA KEPADA SESEBUAH INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI.

IBARAT KATA BIDALAN, KERANA NILA SETITIK ROSAK SUSU SEBELANGA. ANDAI TIDAK DITATANG DENGAN PENUH HEMAT MAKA BURUK LAH PADAHNYA. MARI LAH KITA RENUNG SEJENAK LIPATAN SEJARAH DAN MELIHAT SEJAUH MANAKAH DOMINANNYA PERGERAKAN PELAJAR.

MEDAN TIANANMEN DI CHINA PERNAH BERMANDIKAN DARAH SEKITAR TAHUN 90-AN DAHULU APABILA GOLONGAN MAHASISWA/I MENGETUAI SATU DEMONSTRASI MENUNTUT PERLAKSANAAN SISTEM DEMOKRASI DALAM PENTADBIRAN DI NEGARA TERSEBUT.

MANIFESTO PERJUANGAN MEREKA MENDAPAT SOKONGAN YANG PADU DARI RAKYAT KEBANYAKKAN KERANA KEHIDUPAN MEREKA BEGITU TERTEKAN DIBAWAH PEMERINTAHAN KOMUNIS YANG DIANGGAP ZALIM DAN GAGAL MEMBAWA SEBARANG PERUBAHAN DALAM MENINGKATKAN TARAF SOSIO-EKONOMI RAKYATNYA YANG MENJADI TULANG BELAKANG KEPADA KEKUATAN NEGARA TERSEBUT.

SUHARTO TERPAKSA MELETAKKAN JAWATANNYA SEBAGAI PRESIDEN REPUBLIK INDONESIA APABILA PERGERAKAN PELAJAR DI NEGARA TERSEBUT TELAH MELANCARKAN SATU DEMONSTRASI SECARA BESAR-BESARAN DAN MENDAPATKAN SOKONGAN SEPENUHNYA DARI SELURUH RAKYAT JELATA.

SUHARTO TERPAKSA AKUR DENGAN DESAKAN PARA PELAJAR SEHINGGA BELIAU TERPAKSA MEMBUAT KEPUTUSAN DENGAN MEMILIH JALAN YANG PALING MENGAIBKAN BAGI SEORANG KETUA NEGARA; MELETAKKAN JAWATAN SEBAGAI PRESIDEN HANYA DISEBABKAN OLEH PERGERAKAN PELAJAR. PERISTIWA TERSEBUT SUDAH PASTI TERCATAT SEBAGAI TRAGEDI HITAM DI DALAM SEJARAH TUBUH NEGARA ITU.

MENYOROT KEMBALI DI BUMI SENDIRI, DATO SERI' ANWAR IBRAHIM, SAUDARA HISHAMUDDIN RAIS, MOHAMAD SABU ADALAH ANTARA NAMA-NAMA BESAR YANG PERNAH TERLIBAT DENGAN PERGERAKAN PELAJAR SEKITAR TAHUN 70-AN SEMASA MEREKA BERGELAR MAHASISWA DI IPTA TEMPATAN.

PERJUANGAN MEREKA MENDAPAT SIMPATI PENDUDUK SETEMPAT KERANA ISU KEMISKINAN YANG DIPERJUANGKAN PADA SAAT ITU BERJAYA MEMENANGI HATI DAN SUARA RAKYAT YANG MERASAKAN DIRI MEREKA TERABAI DAN MENYALAHKAN KERAJAAN KERANA GAGAL MEMBELA NASIB YANG MENIMPA MEREKA.

HADIRIN DAN HADIRAT SEKALIAN,

SEKALI BAH, SEKALI PANTAI BERUBAH. BEGITU LAH JUGA DENGAN SENARIO PERJUANGAN PERGERAKAN YANG DIPELOPORI OLEH GOLONGAN PELAJAR DI PUSAT-PUSAT PENGAJIAN TINGGI. HARI INI KITA SUDAH TERLALU MEWAH DENGAN KEMAKMURAN YANG TELAH DIKECAPI OLEH NEGARA.

TAHAP SOSIO EKONOMI RAKYAT DI NEGARA INI TELAH TERLALU JAUH MAJU MENINGGALKAN NEGARA-NEGARA YANG TERLEBIH DAHULU MENGECAPI KEMERDEKAAN DARI KITA. MALAH NEGARA KITA TELAH DIJADIKAN NEGARA MODEL BAGI KEBANYAKKAN NEGARA-NEGARA SEDANG MEMBANGUN YANG LAIN.

PERISTIWA-PERISTIWA BERDARAH DAN BERSEJARAH YANG SAYA NUKILKAN SEBENTAR TADI BUKAN SESUATU YANG MAHU DIBANGGAKAN TETAPI SAYA MAHU MEMBAWA ANDA SEMUA SEBAGAI GOLONGAN YANG TERPELAJAR MELIHAT BAGAIMANA IMPAK DAN PENGARUH YANG DAPAT DIMAINKAN OLEH GOLONGAN MAHASISWA DAN MAHASISWI DALAM MASYARAKAT

SEBAGAI AGEN PERUBAHAN MASYARAKAT YANG SANGAT BERPENGARUH, SUARA DAN BUAH FIKIRAN PARA MAHASISWA/I DIANGGAP KERAMAT. BIARPUN SEPATAH PERKATAAN YANG DIKELUARKAN, IA MAMPU MENGUBAH MINDA DAN TINDAKAN ORANG-ORANG DISEKELILING KITA.

PUN BEGITU, SAYA PERCAYA DI KUKUM, MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR 2003/2004 YANG DIKETUAI OLEH CIK SITI SALWA DAN BARISAN KABINETNYA TELAH MENUNJUKKAN SATU KOMITMEN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB YANG AMAT TINGGI. SYABAS DAN TAHNIAH SAYA

UCAPKAN KERANA ANDA SEMUA TELAH MELAKSANAKAN TUGAS YANG DIAMANAHKAN OLEH PIHAK UNIVERSITI DENGAN BEGITU TERPUJI.

SEJAK PERLANTIKAN MPP 2003/2004, ANDA SEMUA TELAH MENJALANKAN PELBAGAI AKTIVITI UNTUK KEBAIKAN RAKAN-RAKAN MAHASISWA/ YANG LAIN TANPA MENGHARAPKAN APA-APA GANJARAN. SAYA AMAT BERBANGGA DENGAN KOMITMEN YANG TELAH ANDA SEMUA TUNJUKKAN.

SAYA AKUR ADA DI ANTARA ANDA SEMUA TERPAKSA MENGORBANKAN WAKTU KULIAH, TIDUR DAN CUTI DEMI MEMASTIKAN TANGGUNGJAWAB YANG DIBERIKAN DILAKSANAKAN SESEMPURNA MUNGKIN. BERMULA DENGAN AKTIVITI KEMPEN DERMA DARAH PADA 16 JANUARI 2003, IA DIKUTI PULA DENGAN PELBAGAI LAGI AKTIVITI SEPERTI PENYERTAAN DALAM KEGIATAN KO-KURIKULUM ASKAR WATANIAH, KURSUS KEPIMPINAN MPP DI LANGKAWI, MALAM ASPIRASI BAKAT DAN SENI KEBUDAYAAN KUKUM, PERLAWANAN BOLASEPAK KAKITANGAN DAN PELAJAR KUKUM, PROGRAM JALAN KAKI LASAK BERSAMA Y.A.B MENTERI BESAR PERLIS, GOTONG ROYONG MEGA DI KOLEJ KEDIAMAN DI KAMPUNG WAI DAN SEBAGAINYA.

KOMITMEN MPP 2003/2004 SAMPAI KE KEMUNCAKNYA BILAMANA TELAH DIBERIKAN AMANAH UNTUK MENGANJURKAN PESTA PEMASYHURAN CANSELOR BERSEMPENA DENGAN ISTIADAT PEMASYHURAN CANSELOR DAN PESTA KONVOKESYEN KOMEMORATIF KUKUM 2004 PADA 17 JULAI LALU.

SYABAS DAN TAHNIAH SEKALI LAGI KERANA ANDA SEMUA TELAH BERTUNGKUS-LUMUS BERSENGKANG MATA MENCANAI IDEA PENUH CITA-CITA DALAM MENJADIKAN PESTA PEMASYHURAN TERSEBUT SEBAGAI AGENDA PENUH BERSEJARAH BAGI UNIVERSITI INI. BERKAT KERJA IKHLAS, KOMITMEN DAN SOKONGAN YANG PADU, PESTA PEMASYHURAN TERSEBUT TELAH BERLANGSUNG DALAM SUASANA YANG PENUH GILANG-GEMILANG SEHINGGA MENDAPAT PUJIAN DARI PELBAGAI PIHAK.

HADIRIN DAN HADIRAT SEKALIAN,

DATANG DAN PERGI DI PELABUHAN BAGI SI CAMAR SUDAH MENJADI KEBIASAAN. BILA ANGIN BERLALU KIAMBANG PUN BERTAUT KEMBALI. PERGI YANG LAMA DATANG PULA YANG BARU. KEPIMPINAN MPP KUKUM 2004/2005 SUDAH PUN DILANTIK SELEPAS MEMENANGI PILIHANRAYA YANG BERLANGSUNG SECARA SERENTAK DI IPTA SELURUH NEGARA PADA 11 SEPTEMBER LALU.

SAYA AMAT TERUJA SEKALI LAGI APABILA CALON-CALON PRO-ASPIRASI KERAJAAN YANG BERTANDING SERAMAI 18 ORANG PADA PILIHANRAYA TERSEBUT TELAH MENANG KESEMUANYA TANPA SEBARANG BANTAHAN MAHUPUN PERTANDINGAN. IA MENCATATKAN SATU LAGI SEJARAH DI DALAM SEJARAH TUBUH UNIVERSITI INI.

KEPADA BARISAN PIMPINAN MPP YANG BARU, ADALAH MENJADI HASRAT SAYA DAN PIHAK UNIVERSITI UNTUK MELIHAT KESINAMBUNGAN DAN KELANGSUNGAN KEPIMPINAN YANG DINAMIK SEPERTI YANG PERNAH DIPIKUL OLEH RAKAN-RAKAN YANG TERDAHULU.

MPP ADALAH SUARA MAHASISWA-MAHASISWI YANG BOLEH BERTINDAK SECARA PROAKTIF DALAM MELICINKAN PENTADBIRAN PIHAK UNIVERSITI. BUKAN DIANGGAP SEBAGAI 'PAK TURUT' SEMATA-MATA OLEH SESETENGAH PIHAK YANG BERFIKIRAN SEMPIT. IA BUKAN SAHAJA BERFUNGSI SEBAGAI BADAN YANG BERTANGGUNGJAWAB MELAKSANAKAN ARAHAN-ARAHAN YANG DIBERIKAN OLEH PIHAK UNIVERSITI MALAH IA MENJADI JAMBATAN PENGHUBUNG BAGI MAHASISWA/I DENGAN PIHAK PENTADBIRAN UNIVERSITI.

PIHAK UNIVERSITI TIDAK PERNAH MENYEKAT APA JUA RANCANGAN YANG INGIN DIMAJUKAN OLEH PIHAK MPP SEKIRANYA IA MEMBAWA KEBAIKAN BERSAMA. IDEA, CADANGAN, PANDANGAN MAHUPUN KRITIKAN ANDA SEBAGAI GOLONGAN MAHASISWA/I DI UNIVERSITI INI AKAN DIAMBIL KIRA SELAGI MANA IA TIDAK BERTENTANGAN DENGAN MANA-MANA PERATURAN AM UNDANG-UNDANG TUBUH UNIVERSITI, NEGERI DAN JUGA NEGARA SEPERTI AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI (AUKU1971), AKTA RAHSIA RASMI PERCETAKAN (OSA) DAN AKTA DALAM NEGERI (ISA).

SAYA AMAT MENGALU-ALUKAN SEBARANG CADANGAN DARI PIHAK MPP YANG BARU INI JIKA TERDAPAT SEBARANG GAGASAN IDEA. SETIAP CADANGAN YANG DIMAJUKAN ITU NANTI AKAN DIDALAMI SEMASAK-MASAKNYA OLEH PIHAK PENTADBIRAN UNIVERSITI DENGAN HATI YANG TERBUKA.

PIHAK UNIVERSITI AMAT MEMERLUKAN INPUT-INPUT YANG POSITIF DARI MPP YANG MEWAKILI GOLONGAN MAHASISWA/I SECARA KESELURUHAN DALAM PROSES PENAMBAHBAIKAN PENTADBIRAN. SEKIRANYA MPP BERSIKAP LESU DAN TIDAK PROAKTIF DALAM MENANGANI ISU-ISU YANG BERBANGKIT INI BERMAKNA ANDA YANG TELAH DILANTIK GAGAL MEMAINKAN PERANAN YANG DIAMANAHKAN OLEH RAKAN-RAKAN YANG LAIN DAN GAGAL BERFUNGSI SEBAGAI AGEN PEMANGKIN KEPADA EFISIYENSI PENTADBIRAN UNIVERSITI.

TINGGAL DI NEGARA YANG MENGAMALKAN CORAK PENTADBIRAN DEMOKRASI BERPELEMBAGAAN, ANDA SEMUA MEMPUNYAI HAK UNTUK MENYUARAKAN APA JUA PANDANGAN DAN CADANGAN. BUDAYA KERJA DI UNIVERSITI INI PULA YANG MENGAMALKAN PRINSIP IKHLAS, TEPAT, TELUS, CEPAT, PROAKTIF DAN BERPASUKAN SUDAH JELAS MEMBUKA RUANG BAGI MAHASISWA/I MELONTARKAN SEBARANG PANDANGAN DAN IDEA.

DI KESEMPATAN INI JUGA SAYA INGIN MELIHAT SEJAUH MANAKAH KEMAMPUAN KEPIMPINAN MPP YANG BARU UNTUK MENERUSKAN KESINAMBUNGAN KEPIMPINAN MPP YANG TERDAHULU. BUKAN BERMAKSUD MAHU MENINDAK-NIDAKKAN KEPIMPINAN YANG BARU INI TETAPI SAYA INGIN MENCABAR ANDA SEMUA YANG BARU DILANTIK UNTUK MERENCANA SESUATU AGENDA YANG BOLEH DIBANGGAKAN OLEH PIHAK UNIVERSITI BAIK DI PERINGKAT KEBANGSAAN MAHUPUN ANTARABANGSA. KECIL TAPAK TANGAN, NYIRU UNIVERSITI TADAHKAN.

GUNAKAN LAH PELUANG YANG TELAH DIBERIKAN INI SEBAIK MUNGKIN. INGATLAH JIKA ANDA SEMUA MENYALAHGUNAKAN PELUANG YANG TELAH DIBERIKAN INI, MUSIBAH YANG MENIMPA KELAK SUDAH PASTI KEPADA DIRI ANDA SENDIRI.

WALAUPUN KELAK ANDA SEMUA AKAN SIBUK DENGAN PELBAGAI KEGIATAN DAN AKTIVITI, SUKA SAYA INGATKAN DI SINI, JANGAN LAH SEKALI-KALI ANDA LEKA DAN LALAI. ADA TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB YANG LEBIH PENTING HARUS DITUNAIKAN TERLEBIH DAHULU IAITU MENGALAS CITA-CITA DAN HARAPAN SETINGGI GUNUNG DARI KELUARGA YANG TERCINTA DEMI MELIHAT KEJAYAAN ANAK-ANAK MEREKA BERGELAR GRADUAN.

TIMBANG-TIMBANGKAN DAN FIKIR-FIKIRKAN LAH DENGAN PENUH HEMAT BAGI MENGURUSKAN MASA, KULIAH, TUGASAN DAN AKTIVITI. JIKA TERDAPAT SEBARANG MASALAH DALAM MENGURUSKAN MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR, TANYA LAH KEPADA BARISAN SENIOR YANG TERDAHULU. PENGALAMAN SERTA ILMU YANG TELAH DILALUI OLEH MEREKA AMAT BERTAMBAH BERTAMBAH BAGI ANDA SEMUA UNTUK MENEMPUH PERJALANAN SEBUAH PERSATUAN YANG BESAR SEPERTI MPP INI DI KEMUDIAN HARI.

SEBELUM MENGAKHIRI UCAPAN SAYA PADA MALAM INI, SAYA SEKALI LAGI INGIN MENGUCAPKAN TAHNIAH KEPADA AHLI JAWATANKUASA PROGRAM PADA MALAM INI KERANA TELAH BERJAYA MEMASTIKAN KELANCARAN MAJLIS.

TERIMA KASIH DAN SYABAS JUGA DIUCAPKAN KEPADA MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR 2003/2004 KERANA TELAH BERJAYA

MENJALANKAN TUGAS SEBAGAI BADAN PERWAKILAN PELAJAR DENGAN BAIK. BAKAT KEPIMPINAN YANG TELAH DITUNJUKKAN OLEH ANDA SEMUA DALAM TEMPOH MASA SETAHUN HARUS DIBERI PUJIAN.

BANTU LAH MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR YANG BARU INI SEKIRANYA MEREKA BUNTU ATAU KURANG ARIF DALAM MENGURUSKAN APA-APA JUA AKTIVITI KERANA UMUM MENGETAHUI BUKAN MUDAH MAHU MENGATUR LANGKAH MENJADI PEMIMPIN, LEBIH-LEBIH LAGI BAGI SEBUAH BADAN PELAJAR YANG MEWAKILI HAMPIR 1300 ORANG PELAJAR.

PULAU PANDAN JAUH KE TENGAH
GUNUNG DAIK BERCABANG TIGA
HANCUR BADAN DIKANDUNG TANAH
BUDI YANG BAIK DIKENANG JUGA

PERGI KE SAWAH MENANAM PADI
SINGGAH DI SUNGAI MENANGKAP IKAN
HIDUP HENDAKLAH BERSENDIKAN BUDI
SIFAT SOMBONG JANGAN AMALKAN

SAYA SUDAH DENGAN WABILLAH TAUFIK WALHIDAYAH
WASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAH TAALA WABARAKATUH.